

# 1001 MASALAH

ABU AL-MUKHTAR SEDIA MENJAWAB



## Bagaimana Hendak Menghilangkan Perasaan-perasaan

### Buruk Yang Menggoda Dalam Hati

1. Tahir Bin Ali

Kampung Pacitan, Singapura, bertanya:

Saya seorang pemuda sedikit sebanyak ada pelajaran agama, tetapi kerana pergaulan saya banyak dengan pemuda-pemuda lain agama kadang-kadang timbul perasaan dalam hati saya yang menggoda untuk meninggalkan dari mengerjakan kewajipan lima waktu bila sampai waktunya kerana segan dilihat oleh rakan-rakan saya. Adakah jalan bagi saya untuk menghilangkan perasaan yang menggoda hati saya itu, agar saya menjadi orang yang patuh kepada kewajipan agama? Dan adakah saya berdosa oleh sebab saya diganggu oleh perasaan yang buruk itu? Tolonglah tuan tunjukkan jalannya.

#### Jawapannya:

Sememangnya perasaan-perasaan yang buruk itu selalu datang mengganggu fikiran seorang, yang datangnya daripada syaitan, dan syaitan itulah membisikkan perkara-perkara yang buruk itu ke dalam hati dengan bermacam-macam pula. Biasanya perasaan-perasaan buruk itu mudah menggoda kepada orang-orang yang sedang kecewa dalam hidupnya misalnya: sedang kesempitan wang, atau sedang menganggur kerana tiada mempunyai pekerjaan, atau rugi dalam perniagaannya, atau gagal dalam kehidupan rumahtangga, atau terpengaruh oleh pergaulan dan lain-lain sebagainya. Terutama sekali perasaan-perasaan buruk itu

akan menggoda dengan hebatnya bila mana seorang itu lemah hatinya atau kurang kuat keazamannya.

Ada pun kelemahan-kelemahan ini berpunca dari kelemahan didikan dan pelajaran agama yang diterima olehnya, jika seorang mendapat didikan agama semenjak kecilnya dengan baik lagi sempurna, *In Sha Allah* didikan baik yang diterimanya itu akan menjadi kuat di dalam jiwanya dan terbawa-bawa hingga ke besar.

Sebaliknya jika didikan yang baik dan asuhan agama tidak ditanamkan semenjak masih kanak-kanak, maka semakin besar semakin payah jiwanya hendak dilentur, dan dengan demikian tiadalah akan kuat keazamannya, bahkan hatinya akan menjadi lemah tidak berdaya untuk menolak kedatangan perasaan-perasaan buruk yang menggoda hati dan fikiran.

Jika saudara seorang yang berhati lemah dan kurang kuat keazaman saudara, maka yang demikian itu boleh menyebabkan saudara dikalahkan oleh perasaan buruk dalam hati saudara yang menggoda untuk meninggalkan dari mengerjakan kewajipan lima waktu yang saudara katakan itu, bahkan akan mengajak saudara untuk melakukan larangan-larangan agama dengan lebih banyak lagi. Sedang kelemahan hati dan kurangnya keazaman itu berpunca dari kurangnya didikan agama. Maka kekurangan dalam segi inilah hendaknya saudara atasi dengan segera.

Maka di sini sebagai anjuran hendaklah saudara mempelajari lagi ilmu-ilmu agama dengan lebih banyak dan dengan lebih tekun. Pohonkanlah inayah atau pertolongan Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* dengan bersungguh-sungguh, semoga saudara dilepaskan dari perasaan buruk yang asalnya daripada godaan syaitan itu. Sambil minta dilindungi diri saudara dari godaan syaitan itu; banyakkkanlah membaca "*a'ūdhu bi Allāhi mina al-shaytāni al-rajīm*" banyakkkan membaca ayat-ayat

suci seperti “*qul a ‘audhu bi rabbi al-nas. Maliki al-nās.*

*Ilāhi al-nās. Min sharri al-waswāsi al-khannās. Alladhī*

*yuwaswisu fī ṣuduri al-nās. Mina al-jinnati wa al-nās.”*

Disamping itu perbanyak pula membuat amal atau kerja-kerja yang baik yang mendatangkan kebajikan seperti menolong orang susah, membantu orang yang sedang kesempitan, dengan mengeluarkan ala kadar wang ringgit, tenaga atau buah fikiran yang berfaedah, sama ada dilakukan secara persendirian atau berkhidmat dalam persatuan-persatuan kebajikan atau dalam lapangan sukan yang sekira-kira jika banyak khidmat atau kegiatan-kegiatan dalam lapangan ini dibuat, dapatlah mengelakkan datangnya perasaan-perasaan buruk atau fikiran-fikiran buruk akan menggoda, dan dapat pula perkara-perkara itu dilupakan.

Begitu pula di masa-masa yang lapang, hendaklah memperbanyak membaca kitab suci Al-Qur’ān, supaya menambahkan lagi kuatnya iman terhadap Allah dan percaya kepada sifat-sifatnya yang gagah perkasa lagi berkuasa di atas segala sesuatu, dan dapat mententeramkan hatinya, perasaannya serta fikirannya daripada memikirkan yang bukan-bukan.

Mudah-mudahan dengan sebab kesungguhan hati untuk mengamalkan pertunjuk-pertunjuk yang diterangkan di atas tadi, menjadilah ia suatu jalan untuk menghilangkan perasaan-perasaan buruk yang mengganggu saudara dan menjadilah saudara orang yang patuh kepada kewajipan agama.

Dan dengan demikian pula tentunya Allah akan melimpahkan rahmat-Nya kepada saudara dan mengampunkan dosa saudara kerana diganggu oleh perasaan yang buruk itu. *Wa Allāhu a‘lam.*

Sudah Siap:

## **PERSURATAN MELAYU III**

\$7.00 sa-naskhah

Penerbitan Qalam:

---

---

### **Ketenteraman Hati**

Orang-orang yang beriman dan yang tenteram hati mereka, memang sebenarnya hati itu menjadi tenteram dengan sebab berzikir (yakni mengingat Allah).- (Makna ayat).

\* \* \*

### **Keberanian Ialah Antara Pengecut Dan Membabi Buta**

Biasanya orang yang telah dapat mencapai kejayaan di dalam sesuatu usaha, adalah disebabkan keberaniannya, yang sentiasa sahaja maju - sedikit pun tak mahu mundur walau setapak pun - sehingga telah tercapai apa yang dicita-citakannya. Tak ada orang yang boleh berjaya, jika di dalam usahanya ia pengecut atau bersikap membabi buta. Keberanian ialah sifat yang memisahkan antara dua sifat yang tercela iaitu pengecut dan membabi buta. Keberanian terletak di tengah-tengah- bukan pengecut dan bukan pula membabi buta - kerana itu ia menjadi sifat yang terpuji.

\* \* \*

### **Pelopor Dalam Kebaikan dan Kejahatan**

Barang siapa memulakan di dalam Islam sesuatu rancangan yang baik lalu dikerjakan orang ramai kemudian daripadanya, adalah ditulis baginya pahala sebanyak pahala orang yang mengerjakannya dengan tidak mengurangi sesuatu pun daripada pahala mereka.

Dan barang siapa memulakan sesuatu rancangan yang jahat di dalam Islam lalu dikerjakan oleh orang ramai kemudian daripadanya, adalah ditulis baginya dosa sebanyak dosa orang-orang yang mengerjakannya dengan tidak mengurangi sesuatu pun daripada dosa-dosa mereka.- (makna hadith al-Sharif).